

Isnin, 6 Mei 2019 - 11:17AM



Untung bersih Sunway REIT turun sedikit

KUALA LUMPUR: Keuntungan bersih Sunway Real Estate Investment Trust (Sunway REIT) bagi suku ketiga yang berakhir 31 Mac, 2018, turun sedikit kepada RM70.352 juta daripada RM70.356 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun lalu.

Bagaimanapun, hasil meningkat kepada RM141.51 juta daripada RM134.57 juta yang dicatatkan dalam tempoh yang sama tahun sebelumnya, kata syarikat itu dalam maklumannya kepada Bursa Malaysia hari ini.

Dalam satu kenyataan berasingan, pengurus Sunway REIT, Sunway REIT Management Sdn Bhd, berkata pendapatan kewangan kekal kukuh dengan pertumbuhan berterusan daripada segmen runcit dan peningkatan perlahan-lahan dalam segmen pejabat.

Ketua Pegawai Eksekutif Sunway REIT Management Sdn Bhd, Datuk Jeffrey Ng berkata dalam persekitaran peningkatan kadar faedah, kami menguruskan dengan proaktif profil hutang kami untuk mengoptimumkan purata kos hutang dan mengaturkan profil kematangan hutang."

Mengenai prospek masa depan, Sunway REIT tidak menjangkakan sebarang risiko pembiayaan semula memandangkan prestasi kukuh aset pendasarnya dan keadaan makroekonomi negara yang kukuh. - BERNAMA